



Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed merupakan rakyat Malaysia pertama dilantik menerajui antarabangsa ISSA sebagai Presiden ISSA ke-17 untuk tempoh 3 tahun (2023-2025).

WORLD SOCIAL SECURITY FORUM 2022

SISTEM KESELAMATAN SOSIAL KITA DIKTIKIRAF

Malaysia menerima pengiktirafan antarabangsa dalam bidang keselamatan pada Persidangan International Social Security Association (ISSA) dan World Social Security Forum (WSSF) 2022 akan di Maghribi hingga 28 Oktober

persidangan tersebut. Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, dengan mandat pemilihan beliau sebagai Presiden ISSA untuk tempoh 2023-2025 dan pilihan



Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berucap ketika mesyuarat pemilihan mesyuarat ke-17 untuk tempoh 2023-2025.

Malaysia dipilih tuan rumah WSSF ketujuh

Kuala Lumpur: Malaysia telah diterima sebagai tuan rumah bagi Persidangan Agung International Social Security Association (ISSA) dan World Social Security Forum (WSSF) ke-7 yang akan diadakan pada tahun 2025.

Pengumuman itu dibuat pada WSSF 2022 yang diadakan di Maghribi, baru-baru ini. WSSF 2022 dihadiri oleh 321 ahli dari 161 negara yang menghimpunkan lebih daripada 2,000 pengamal keselamatan sosial.

Susulan pemilihan Kuala Lumpur sebagai tuan rumah, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menandatangani satu memorandum persefahaman (MOU) dengan ISSA sebagai tuan rumah persidangan dan forum yang dijangka menghimpunkan lebih daripada 2,000 pengamal dan pakar keselamatan sosial daripada 161 negara.

Ketua Eksekutif PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, dengan mandat pemilihan beliau sebagai Presiden ISSA untuk tempoh 2023-2025 dan pilihan

KETUA Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed bertukar dokumen dengan wakil ISSA selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan ISSA sewaktu WSSF 2022 untuk menjadi tuan rumah kepada WSSF 2025.

Malaysia sebagai tuan rumah Persidangan Agung ISSA ke-35 dan WSSF 2025, diharapkan agenda keselamatan sosial di Malaysia terus diperkukuh dan dikembangkan lagi.

ISSA yang ditubuhkan pada tahun 1927 dan berpusat di Geneva, Switzerland adalah pertubuhan antarabangsa dalam bidang keselamatan sosial bernaung di bawah Pertubuhan 2 Buruh Antarabangsa (ILO).

Malaysia akan berperanan sebagai platform global bagi membincangkan dasar, strategi serta inovasi dalam bidang keselamatan sosial.

Penganjuran persidangan kemuncak WSSF diadakan pada setiap tiga tahun adalah antara inisiatif ISSA yang mengumpulkan menteri, pegawai kanan, pengamal dan pakar dalam bidang keselamatan sosial.

Malaysia pertama yang memegang jawatan tertinggi itu dalam badan antarabangsa yang menerajui bidang keselamatan sosial di peringkat global. "Saya amat bersyukur atas kepercayaan yang diberikan oleh ahli-ahli badan antarabangsa ISSA kepada saya untuk menjawat jawatan Presiden yang ke-17. "Bagi saya, pemilihan ini kejayaan Malaysia, Kemen-

terian Sumber Manusia dan semua warga Perkeso kerana ia melonjakkan lagi kedudukan Malaysia di mata masyarakat antarabangsa," katanya. "Menerusi ISSA, saya akan terus memberikan komitmen terbaik untuk meningkatkan sistem perlindungan keselamatan sosial agar setiap ahli melaksanakan perlindungan yang komprehensif dan inklusif di negara masing-masing demi kesejahteraan sejagat," katanya. Sebelum pemilihan ini,

Mohammed Azman pernah menerima pengiktirafan antarabangsa iaitu Frances Perkins Award 2020 yang dianugerahi oleh International Association of Industrial Accident Boards and Commissions (IAIABC) yang berpangkalan di Amerika Syarikat yang mana beliau merupakan antara ahli lembaga pengarah organisasi berkenaan dan orang Asia pertama menerima anugerah itu. Selain itu, beliau turut menjawat jawatan sebagai Presiden Asean Workers

Compensation Association' (AWCA), Ahli Lembaga Pengarah Asean Social Security Association (ASSA) dan Ahli Majlis Vision Zero Global Alliance. Dengan mandat pemilihan beliau sebagai Presiden ISSA itu diharapkan agenda keselamatan sosial di Malaysia akan terus diperkukuh dan dikembangkan lagi demi kesejahteraan golongan sasaran serta peningkatan tahap profesionalisme para pengamal keselamatan sosial di negara ini.

Malaysia kongsi ilmu di WSSF 2022

Kuala Lumpur: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menyertai Persidangan International Social Security Association (ISSA) dan World Social Security Forum 2022 (WSSF 2022) yang diadakan di Maghribi, baru-baru ini.

Pada persidangan itu, Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed kongsi pengalaman PERKESO yang menggabungkan elemen digital serta kemahiran manusia dalam penerusan menerusi Program Social Synergy dan Perkhidmatan Pekerjaan Negara, MYFutureJobs, dalam sesi plenari, bertema "Social security management in the human-digital age."

Sepanjang WSSF 2022, beberapa pegawai kanan daripada PERKESO dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) turut menyampaikan penemuan hasil penyelidikan dan inovasi masing-masing yang memberikan manfaat kepada kumpulan sasaran serta pemegang taruh.

Selain itu, Pusat Rehabilitasi Perkeso juga dijemput untuk membuat demonstrasi rehabilitasi robotik yang canggih pada persidangan itu untuk berkongsi kemajuan dan dinamisme perlindungan keselamatan sosial Malaysia.

Persidangan berkenaan dihadiri oleh 321 ahli daripada 161 negara yang menghimpunkan lebih daripada 2,000 pengamal keselamatan sosial seluruh dunia.

Persidangan Agung ISSA dan WSSF 2022 pada kali ini dianjurkan oleh agensi keselamatan sosial Maghribi, CDG Prévoyance dengan tema, "Social security for resilient and inclusive societies".